



Info Artikel:
Diterima 21/03/2017
Direvisi 16/05/2018
Dipublikasikan 30/06/2018

Emilawati Binti Othman^{1*}, Masfizaizan Binti Manaf²

¹²Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin
✉ e-mail: emilawati@psmza.edu.my

Human Development from Concept "Soft Skills" Communication: One Overview

Abstract

The program and planning as well as the transformation of human development in education at the Ministry of Higher Education Malaysia are aimed at producing a workforce capable of competitiveness and quality. This transformation aims to meet the demands and needs of human resources in addition to produce disciplined graduates, supporting the national aspirations and noble character. In the concept of "soft skills", communication is an essential element of self-development, generating knowledge, and competency. Therefore applying communication skills is needed, especially in the context of interpersonal, writing, presentation, training and consulting. To strengthen communication skills, more comprehensive and intensive approach are applied in polishing soft skills performance when planning, organizing, leadership or controlling. In this regard, human resource management dominates the careful planning and maximizes energy to be applied towards achieving a systematic and efficient communication skills and expertise in order to improve the quality of life and to protect the well-being of mankind. In order to realize this study, various metadological methods have been highlighted for intensive them is to distribute questionnaires to students of IPS who are currently undergoing the PUB2014 module, Human Development, adapting the theory learned by exposing the students IPS2-S1 to Demong Beach Resort Besut, Terengganu and students of IPS2-S2 went to the Woman's Welfare Association and Poverty Permata Al-Insyirah, Kuantan. Students were also given assignments and present the findings of the theory that have been learned and applied through "oral presentation" and using the IBM SPSS Statistics version 23 instrument to analyze the distributed questionnaire data. The findings of human development studies from the concept of "soft skills" find that human resource development is regarded as a lubricant as well as a generator within an organization also a catalyst for changes in human resource behavior within the organization, especially the students of IPS2-S1 and IPS2-S2 in Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA). This is because IPS students have developed effective and productive communication skills for orphans and their environment.

Keywords: Human Development, Soft Skills, Communication

Pembangunan Manusia dari Konsep "Soft Skills" Komunikasi: Satu Tinjauan

Abstract

Program dan perancangan serta transformasi pembangunan manusia dalam pendidikan di Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bertujuan untuk menghasilkan tenaga kerja yang mampu bersaing dan berkualiti. Transformasi ini bertujuan untuk memenuhi permintaan dan keperluan sumber manusia di samping menghasilkan graduan yang berdisiplin, menyokong aspirasi negara dan watak yang mulia. Dalam konsep "kemahiran lembut", komunikasi adalah elemen penting

dalam pembangunan diri, menjana pengetahuan, dan kompetensi. Oleh itu, penggunaan kemahiran komunikasi diperlukan, terutamanya dalam konteks interpersonal, menulis, persembahan, latihan dan perundingan. Untuk memperkukuh kemahiran komunikasi, pendekatan yang lebih komprehensif dan intensif digunakan untuk menggilap prestasi kemahiran lembut apabila merancang, menganjurkan, memimpin atau mengawal. Dalam hal ini, pengurusan sumber manusia mendominasi perancangan yang teliti dan memaksimumkan tenaga untuk digunakan untuk mencapai kemahiran dan kepakaran komunikasi yang sistematik dan cekap untuk meningkatkan kualiti hidup dan untuk melindungi kesejahteraan manusia. Untuk merealisasikan kajian ini, pelbagai kaedah metodologi telah diserlahkan untuk mereka yang intensif adalah untuk mengedarkan soal selidik kepada pelajar IPS yang sedang menjalani modul PUB2014, Pembangunan Manusia, menyesuaikan teori yang dipelajari dengan mendedahkan pelajar IPS2-S1 kepada Demong Beach Resort Besut, Terengganu dan pelajar IPS2-S2 pergi ke Persatuan Kebajikan Wanita dan Kemiskinan Permata Al-Insyirah, Kuantan. Pelajar juga diberi tugas dan mengemukakan penemuan teori yang telah dipelajari dan diterapkan melalui "persembahan lisan" dan menggunakan instrumen versi STATISTIK SPSS IBM untuk menganalisis data soal selidik yang diedarkan. Penemuan kajian pembangunan manusia dari konsep "kemahiran lembut" mendapati bahawa pembangunan sumber manusia dianggap sebagai pelincir serta penjana dalam organisasi juga pemangkin untuk perubahan dalam tingkah laku sumber manusia dalam organisasi, terutamanya pelajar IPS2 -S1 dan IPS2-S2 dalam Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA). Ini kerana pelajar IPS telah membangunkan kemahiran komunikasi yang berkesan dan produktif untuk anak-anak yatim dan persekitaran mereka.

Keywords: Pembangunan Manusia, Kemahiran Insaniah, Komunikasi

Copyright © 2018 IICET (Indonesia) - All Rights Reserved
Indonesian Institute for Counseling, Education and Therapy (IICET)

PENGENALAN

Kurikulum pengajian di seluruh politeknik Malaysia amat menekankan beberapa elemen utama dalam membentuk graduan yang berpengetahuan luas, kreatif, inovatif, mampu berkomunikasi secara berkesan dan sentiasa proaktif dalam melaksanakan tugas. Politeknik merupakan salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang melahirkan tenaga kerja separa mahir dalam memenuhi keperluan industri. Justeru itu seluruh warga politeknik Malaysia memastikan produk yang dikeluarkan bukan sahaja mempunyai kemahiran teknikal dan berpengetahuan terhadap bidang akademik, malah turut menguasai kemahiran insaniah (*soft skills*) yang sejajar dengan tuntutan pasaran kerja kini dan kelak, (Nurul Afizah, 2006). Memenuhi aspirasi melahirkan para graduan politeknik lebih proaktif dan melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran "*soft skills*" dititikberatkan. Tujuannya mendapatkan tempat di pasaran kerja yang semakin berdaya saing. Menerusi Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Kementerian Pengajian Tinggi, Prof. Datuk Dr Hassan Said (Berita Harian, 12 Februari 2007), seandainya graduan mempersiapkan diri mereka dengan kemahiran yang diperlukan di pasaran, pastinya graduan tidak berhadapan dengan kesukaran mendapatkan peluang pekerjaan. Tambah beliau lagi, graduan sepatutnya bersiap siaga segala kemampuan dan kelebihan dimiliki dan pada masa yang sama berkemungkinan yang diperlukan oleh bakal majikan.

Pendidikan adalah salah satu aspek yang dapat membantu meningkatkan mutu graduan melalui pemantapan sistem pengajaran dan pembelajaran selari dengan kaedah pelaksanaan revolusi pendidikan seperti yang di sarankan oleh Yang Amat Berhormat Mantan Perdana Menteri Malaysia yang kelima, Dato Sri Abdullah Ahmad Badawi. Melestarikan sistem pendidikan yang berkualiti untuk membangunkan potensi individu bagi memenuhi aspirasi negara. Justifikasi ini sekali gus membawa maksud bahawa, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) harus berupaya untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai penjana sumber manusia atau modal insan yang bukan sahaja berpengetahuan tetapi juga memiliki semua ciri insan kamil (Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah "*Soft Skills*") untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia, 2006. Selari dengan gagasan memartabatkan integriti dan akauntabiliti pendidikan, warga pensyarah PSMZA khususnya pensyarah di Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) sentiasa bekerja keras dan saling berganding bahu memastikan mutu pengajian dan silibus yang ditawarkan

menepati kehendak pasaran semasa. Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah “*Soft Skills*”, PUB 2014 *Human Development* bagi memastikan graduan acuan PSMZA mampu bersaing bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga global.

Kemahiran berkomunikasi secara berkesan merupakan elemen penting yang perlu dimiliki dan dikuasai oleh setiap pelajar, sama ada bagi memenuhi tuntutan mereka dalam bidang akademik, persediaan untuk kerjaya mahupun dalam hubungan sosial. Fungsi komunikasi amat luas dan menyeluruh kerana ia adalah proses interaksi yang membantu proses sosiolasi, melahirkan institusi sosial, dan berpengaruh ke atas budaya dan struktur sosial (Ibrahim M.Z, 2006). Komunikasi turut memberikan informasi sama ada bagi tujuan penyaluran maklumat mahupun mencipta perhubungan. Setiap pendidik seharusnya berkebolehan menguasai komunikasi interpersonal dengan baik kerana dapat melahirkan pendidik yang kompeten. Interpersonal membawa maksud kebolehan seseorang bekerja secara kooperatif dalam kumpulan, termasuk kebolehan komunikasi secara lisan dan bukan lisan (Guat, 2013). Penguasaan kemahiran komunikasi yang berkesan dapat membantu pembentukan komunikasi yang sesuai dan membina persekitaran harmoni.

Objektif Kajian

Objektif yang diketengahkan dalam kajian ini adalah penerapan pembangunan sumber manusia dari konsep “*soft skills*” komunikasi di kalangan pelajar seksyen IPS2-S1 dan IPS2-S2 yang sedang mempelajari modul PUB 2014 *Human Development*. Maka pengkaji telah membuat kajian berkaitan:

1. Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan antara jantina dengan pembangunan manusia dari konsep “*soft skills*” komunikasi di kalangan pelajar seksyen IPS2-S1 dan IPS2-S2
2. Mengetahui sama ada terdapat perhubungan yang signifikan di antara tahap pencapaian akademik dengan pembangunan manusia dari konsep “*soft skills*” komunikasi di kalangan pelajar seksyen IPS2-S1 dan IPS2-S2 PSMZA mengikut perbezaan jantina.
3. Mengetahui tahap keberkesanan program Demong Beach Resort Besut, Terengganu dan Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Dan Fakir Miskin Al-Insyirah, Kuantan terhadap pembangunan manusia dari konsep “*soft skills*” komunikasi di kalangan pelajar IPS2-S1 dan IPS2-S2 PSMZA.

Kepentingan kajian

Umum diketahui, kajian ini adalah persepsi dalam urutan ringkas dan pendek dengan mengintegrasikan aktiviti bagi mengukur tahap keberkesanan komunikasi pelajar IPS yang sedang mempelajari modul PUB 2014 *Human Development* bagi mencapai dan meningkatkan prestasi kemahiran komunikasi mereka. Proses rekrutmen dipraktikkan agar memperolehi impak komunikasi produktif dan mampu berdaya saing yang positif juga relevan serta mengimplementasi komunikasi secara praktikal disegenap situasi yang dihadapi dalam mewujudkan perkembangan komunikasi yang sihat dengan menekankan konsep “*soft skills*” komunikasi berkesan. Ini kerana komunikasi adalah cabang utama yang mantap dapat melunaskan tugas dan tanggungjawab dengan lebih cekap dan berkesan. Kajian berdasarkan kepada objektif dan kerangka skop kajian yang telah dibentuk dalam kajian ini. Tujuan utama kajian ini bertujuan untuk melihat perhubungan antara keberkesanan komunikasi yang telah diadaptasikan dari modul PUB 2014 *Human Development* di kalangan pelajar IPS dalam jalinan ukhwa agar memperolehi keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan akhir bagi semester berkenaan.

Kajian ini dijalankan ke atas pelajar IPS kerana mereka adalah pelajar yang lemah dan tercicir untuk meneruskan pengajian di IPT untuk diserap terus ke program diploma. Justeru itu pelajar ini diberi peluang kedua untuk meneruskan pengajian dengan memasuki program Pra Diploma yang dikendalikan oleh politeknik Malaysia disebabkan keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (SPM) tidak memenuhi syarat seperti yang digariskan oleh setiap IPT di Malaysia. Pengkaji juga melibatkan pelajar IPS secara aktif dalam aktiviti pembelajaran, menggalakkan pelajar belajar secara bebas dan memantau

proses pembelajaran sendiri serta menyediakan pelajar dengan pengalaman pembelajaran yang membolehkan mereka menghubungkan pembelajaran di bilik kuliah dengan penyelesaian masalah dalam kehidupan seharian. Fokus utama adalah mengatasi kelemahan yang ada pada pelajar IPS agar mereka berpeluang menyambung pengajian di peringkat diploma dimasa akan datang. Pelajar IPS wajib lulus sekurang-kurangnya gred C untuk setiap modul yang mereka pelajari termasuk modul PUB2014 *Human Development*.

Skop Kajian

Kajian tinjauan ini pada dasarnya mengumpul maklumat yang berfokus kepada tinjauan menggunakan kaedah edaran soalan soal selidik kepada pelajar IPS2-S1 dan IPS2-S2. Kajian penyelidikan ini untuk mendapatkan perspektif ringkas dan tepat melalui pemahaman amalan dan teori pembangunan manusia dari konsep “*soft skills*” komunikasi yang digunapakai. Selain itu juga, kajian ini adalah untuk melihat perbezaan kefahaman pelajar tentang kepentingan komunikasi antara pelajar lelaki dan perempuan agar impak positif dicapai di dalam keputusan peperiksaan akhir semester mereka.



Rajah 1: Kerangka skop kajian

Permasalahan Kajian

Dalam era globalisasi, pendidikan merupakan agen penggerak yang paling utama dalam menghasilkan sumber manusia yang menjana ekonomi juga pembangunan sesebuah negara. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terutamanya Pendidikan Teknik dan Vokasional (TVET) memainkan peranan penting dalam konteks menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri yang berasaskan maklumat dan dipertanggungjawabkan dalam memperkenalkan konsep pekerjaan kepada graduannya. Semasa kajian ini dilaksanakan, faktor bahasa adalah faktor yang paling ketara dihadapi. Ini kerana Bahasa Inggeris adalah bahasa penghantar utama bagi modul PUB2014 *Human Development*. Selain itu faktor latar belakang pelajar yang gemar mempetuturkan dialek negeri masing-masing membuatkan komunikasi antara mereka sedikit terbatas dan sukar untuk difahami. Hal ini mengganggu dan menghalang keberkesanan komunikasi, mengakibatkan maklumat yang diterima tidak tepat atau disalah tafsir. Ini kerana pelajar lebih selesa menggunakan dialek negeri masing-masing yang berasal di serata pelusuk negeri di Malaysia.

Manakala faktor kos mahupun peruntukan perbelanjaan yang melibatkan penggembleran sumber manusia diambilkira kerana pada hari program diadakan, IPS2-S1 ke Demong Beach Resort Besut, Terengganu manakala pelajar IPS2-S2 pula ke Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Dan Fakir Miskin Perempuan Permata Al-Insyirah, Kuantan ditaja sepenuhnya oleh PSMZA. Ianya bertujuan bagi menyediakan perkhidmatan dan kemudahan kepada warga IPS dalam mengaplikasikan kemahiran komunikasi yang mereka pelajari disepanjang program itu berlangsung bagi menjamin keberhasilan pelajar IPS. Sehubungan itu, penguasaan kemahiran “*soft skills*” komunikasi di kalangan para graduan PSMZA amat penting bagi menjamin peningkatan dan memenuhi tuntutan sumber tenaga manusia yang semakin mendapat tempat di pasaran yang penuh dengan cabaran dewasa ini. Graduan perlu diberi penekanan dalam hal ini agar lebih berkualiti dan mampu memenuhi keperluan industri negara selaras dengan permintaan pada masa kini. Bagi menghadapi cabaran globalisasi rakyat Malaysia semestinya dilengkapi dengan asas pendidikan dan latihan yang kukuh serta kepelbagaian kemahiran umum termasuk kebolehan berkomunikasi dan menguasai bahasa.

LITERATUR REVIEW

Selaras dengan transformasi pendidikan negara dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) memerlukan pelajar mempunyai akauntabiliti yang tinggi, boleh diharapkan dan dapat beradaptasi dengan persekitaran dan rakan sekuliah lain. Selain daripada itu, pelajar juga mempunyai tanggungjawab sosial yang perlu dilaksanakan atas rasa tanggungjawab dan penuh prihatin. Kemahiran “*soft skills*” sangat penting kerana memerlukan tenaga kerja lebih menjurus kepada kefleksibelan, inisiatif dan keupayaan dalam menggalas pelbagai tugas yang diberi. Ianya sangat penting dan diperlukan dalam pekerjaan menjadikan seseorang dapat menyesuaikan diri bukan sahaja dengan perubahan dan perkembangan dalam sektor pekerjaan malahan dalam menghadapi kehidupan seharian. Berdasarkan terbitan artikel Malaysia Today (2005) yang bertajuk “*Malaysia has 60,000 Graduates Unemployed*”, daripada penyelidikan oleh kerajaan Malaysia, didapati 60,000 graduan di Malaysia gagal mendapat pekerjaan atau menganggur disebabkan faktor graduan kurang atau tidak menguasai beberapa kemahiran “*soft skills*” seperti kemahiran memimpin, kerja dalam pasukan, berkomunikasi khususnya dalam Bahasa Inggeris serta kurangnya pendedahan mereka kepada dunia kerja dalam industri sebenar. Perkara ini sekaligus menyebabkan mereka dikategorikan sebagai graduan yang tidak layak untuk diterima bekerja.

Kelemahan pelajar menguasai komunikasi berkesan menjadi salah satu faktor penyumbang ke atas kegagalan graduan dalam memenuhi kebolehpasaran pekerjaan dimasa akan datang. Pelajar wajib menguasai kemahiran komunikasi kerana kemahiran interaksi yang baik memperlihatkan sikap positif terhadap tanggungjawab. Disamping itu juga pelajar dapat memotivasikan diri dalam posisi yang lebih sukar bagi menjalani kehidupan dengan baik. Pelajar turut dapat membina tekad untuk mendisiplinkan kemahuan, memacu semangat, mengikis keseganan dan mengarahkan tenaga untuk benar-benar melaksanakan apa yang harus dilakukan. Dengan memiliki pengendalian diri yang baik, pelajar dapat mengoptimumkan tindakan mereka dan menahan diri untuk berbuat perkara yang berunsur negatif. Komunikasi turut melahirkan nilai murni sebagai tingkah laku yang baik, beradab dan menjaga tatasusila kepada keperibadian atau perwatakan pelajar. Keberkesanan komunikasi memberi ruang keterbukaan pemikiran kritis membuatkan pelajar mula meneroka pemikiran untuk menilai idea-idea yang diterima secara rasional dan membuat pertimbangan mengenai idea tersebut melalui penggunaan alasan-alasan yang wajar dalam menzahirkan setiap keinginan.

METODOLOGI

Kajian tinjauan secara edaran soal selidik telah diaplikasikan dalam penyelidikan ini. Menurut Linacre (2005), bagi membentuk satu hasil kajian yang baik, sejumlah 30 responden sudah memadai untuk menunjukkan keputusan keyakinan yang sama walaupun jumlah sampel kajian yang berbeza. Pengkaji telah menggunakan keseluruhan populasi pelajar yang diambil sebagai sampel kajian kerana sampel memenuhi segala tuntutan, keperluan dan kehendak kajian. Selain itu, sampel menggambarkan populasi yang bertepatan dengan tuntutan objektif kajian dan dapat menjawab persoalan kajian. Oleh itu, kajian ini melibatkan 2 seksyen pelajar IPS iaitu 25 pelajar IPS2-S1 dan 25 pelajar IPS2-S2 di JMSK.

Instrumen kajian yang digunakan adalah satu set soal selidik telah diagihkan yang mengandungi 3 bahagian iaitu: a) penilaian pelajar semasa mengikut program, b) penilaian pelaksanaan program, dan c) komunikasi. Pelajar IPS ini akan mengadaptasikan teori yang telah dipelajari dengan mendedahkan pelajar IPS2-S1 ke Kem Demong Beach Besut, Terengganu, manakala pelajar IPS2-S2 ke Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Dan Fakir Miskin Perempuan Permata Al-Insyirah, Kuantan bagi mengasah kemahiran komunikasi dengan persekitarannya. Selain itu juga, teknik komunikasi mereka digilap dengan membentangkan hasil dapatan teori dan diaplikasikan menerusi pembentangan. Data yang dikumpulkan dianalisa dengan menggunakan Instrumen IBM *Statistical Package for Social Science (SPSS) Statistics* versi 23 dengan mengaplikasikan data melalui Ujian-t Independent dan Ujian Normaliti.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian pembangunan manusia dari konsep “*soft skills*” komunikasi mendapati pembangunan sumber manusia di anggap sebagai pemangkin juga penjana kepada perubahan tingkah laku sumber manusia khususnya pelajar IPS di PSMZA. Ini kerana pelajar IPS berhasil mengembangkan keterampilan komunikasi yang efektif bersama anak-anak yatim dan bertukar buah fikiran bagi menjana modal insan kelas pertama menerusi persekitaran yang pelajar harungi. Dalam konteks hasil kajian, komunikasi berkesan dapat memperkemas sistem pengumpulan, penyusunan dan penyimpanan data mengenai pelbagai aspek yang dikaji. Apabila banyak pendedahan persekitaran fizikal dan persekitaran psikososial, pelajar IPS dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran mereka. Persekitaran fizikal yang dimaksudkan di sini adalah bilik kuliah yang kondusif manakala persekitaran psikososial berkisarkan kepada hubungan antara keperluan emosi pelajar dengan persekitaran sosial mereka. Hasil ini dapat dibuktikan melalui tinjauan soal selidik yang telah dilaksanakan dan keputusan akhir bagi pelajar IPS di dalam peperiksaan akhir mereka bagi sesi Jun 2017.

Persoalan kajian pertama

Dapatan dari persoalan kajian pertama iaitu mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan antara jantina dengan pembangunan manusia dari konsep “*soft skills*” komunikasi di kalangan pelajar seksyen IPS2-S1 dan IPS2-S2, adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1
Analisis Ujian-t Independent perbezaan antara jantina dengan komunikasi

Demografi	N	Min	Sisihan Piawai	Darjah Kebebasan	t	Sig. (2 tailed)
Jantina Lelaki	33	3.8182	0.24685	0.04297	-1.510	0.138
Perempuan	17	3.9160	0.13886	0.03368		

Jadual 1 menunjukkan hasil analisis Ujian-t Independent, min bagi lelaki dan perempuan ialah 3.8182 dan 3.9160 dengan sisihan piawainya 0.24685 dan 0.13886. Darjah kebebasan sebanyak 0.04297 dan 0.03368 bagi pelajar lelaki dan perempuan. Dapatan menunjukkan t ialah -1.510, manakala signifikansi (p) adalah 0.138. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikansi min skor terhadap perbezaan antara jantina dengan komunikasi yang pelajar praktiskan.

Persoalan kajian kedua

Dapatan dari persoalan kajian kedua iaitu mengetahui sama ada terdapat perhubungan yang signifikan di antara tahap pencapaian akademik dengan pembangunan manusia dari konsep “*soft skills*”

komunikasi di kalangan pelajar seksyen IPS2-S1 dan IPS2-S2 PSMZA mengikut perbezaan jantina, adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2 dan 3.

Jadual 2
Analisis Ujian Normaliti pencapaian akademik antara jantina


Demografi		N	Min	Median	Sisihan Piawai	Skewness	Kurtosis
Jantina	Lelaki	33	2.7170	2.6700	0.37384	-0.48	-0.735
	Perempuan	17	2.8835	2.6700	0.25935	0.760	-0.862

Jadual 2 menunjukkan bacaan data yang dihasilkan menerusi Ujian Normaliti perbandingan pencapaian akademik antara jantina adalah tidak begitu ketara perbezaannya. Cuma pada kedudukan min sedikit berbeza iaitu 2.7170 dan 2.8835 bagi min tetapi bagi median kedua-dua jantina tersebut adalah sama iaitu 2.6700. Seterusnya sisihan piawai adalah 0.37384 dan 0.25935. Bagi Skewness dan Kurtosis, menunjukkan nilai -0.48, 0.760, -0.735 dan -0.862. Bacaan yang diperolehi oleh Skewness dan Kurtosis agak rendah kebanyakannya adalah negatif, ini bererti ianya bertabur secara normal.

Jadual 3
Paparan Ujian Normaliti mengikut jantina


Demografi	Kolmogorov-Smirnov ^a			Shapiro-Wilk			
	Statistik	df	Sig.	Statistik	df	Sig.	
Jantina	Lelaki	0.169	33	0.017	0.919	33	0.017
	Perempuan	0.324	17	0.000	0.752	17	0.000

Jadual 3 menunjukkan data yang diambil ke atas pelajar IPS adalah 50 pelajar sahaja maka analisis Shapiro-Wilk diguna pakai. Merujuk kepada nilai signifikan <0.05 nilai Alpha maka nilai bertabur secara normal bagi setiap item kajian.



Rajah 2: Histogram Keputusan peperiksaan akhir pelajar IPS2-S1 mengikut jantina


Histogram di dalam rajah 2 menunjukkan keputusan peperiksaan akhir pelajar IPS2-S1 mengikut jantina responden. Histogram terhasil menunjukkan data yang ditaburkan menghasilkan gambaran yang normal. Kebolehpercayaan ini disokong dengan hasil lengkung pada histogram tersebut. Lengkung memberi persepsi data bertabur secara normal.



Rajah 3: Histogram Keputusan peperiksaan akhir pelajar IPS2-S2 mengikut jantina


Histogram di dalam rajah 3 menunjukkan keputusan peperiksaan akhir pelajar IPS2-S2 mengikut jantina responden. Histogram terhasil menunjukkan data yang ditaburkan menghasilkan gambaran yang

normal. Kepercayaan ini disokong dengan hasil lengkung pada histogram tersebut. Lengkung memberi persepsi data bertabur secara normal.



Rajah 4: Paparan Ujian Normaliti bagi Q-Q Plot keputusan peperiksaan akhir pelajar IPS2-S1

Rajah 4 menunjukkan hasil paparan Ujian Normaliti bagi Q-Q Plot keputusan peperiksaan akhir seksyen IPS2-S1 mengikut jantina lelaki dan perempuan, menjelaskan data bertabur secara normal melalui data-data yang terhasil hampir menghampiran garisan lurus.



Rajah 5: Paparan Ujian Normaliti bagi Q-Q Plot keputusan peperiksaan akhir pelajar IPS2-S2

Rajah 5 menunjukkan hasil paparan Ujian Normaliti bagi Q-Q Plot keputusan peperiksaan akhir seksyen IPS2-S2 mengikut jantina lelaki dan perempuan, menjelaskan data bertabur secara normal melalui data-data yang terhasil hampir menghampiran garisan lurus.

Persoalan kajian ketiga

Dapatan dari persoalan kajian ketiga iaitu mengetahui tahap keberkesanan program Kem Demong Beach Resort Besut, Terengganu dan Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Dan Fakir Miskin Al-Insyirah, Kuantan yang dianjurkan terhadap pembangunan manusia dari konsep “*soft skills*” komunikasi di kalangan pelajar IPS2-S1 dan IPS2-S2 PSMZA, adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.

Jadual 4
Analisis Ujian-t Independent program dengan komunikasi


Item	Program	N	Min	Sisihan piawai	Darjah kebebasan	t	Sig (2 tailed)
Komunikasi	Demong Beach Resort Besut	25	3.8314	0.27501	0.04297	-0.640	0.526
	Anak-anak Yatim Al-Insyirah	25	3.8714	0.14869	0.03368	-0.640	

Jadual 4 menunjukkan analisis Ujian-t Independent bagi mengetahui tahap keberkesanan kedua-dua program yang telah dianjurkan ke atas pelajar IPS terhadap pembangunan manusia dari konsep “*soft skills*” komunikasi di kalangan pelajar IPS2-S1 dan IPS2-S2 PSMZA didapati min bagi Program Kem Demong Beach Resort ialah 3.8314 dan Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Dan Fakir Miskin, Kuantan ialah 3.8714. Bagi sisihan piawai pula ialah 0.27501 dan 0.14869. Data yang dicatatkan oleh darjah kebebasan ialah 0.04297 dan 0.03368. Namun bagi nilai t bagi kedua-dua program yang dihasilkan adalah sama iaitu -0.640. Nilai p ialah 0.526 iaitu >0.05 dari nilai Alpha. Ini dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan impak komunikasi walaupun pelajar IPS telah dibahagikan kepada dua program yang berbeza.

PERBINCANGAN

Dapatan objektif kajian pertama

Melalui dapatan analisis Ujian-t Independent untuk mengenalpasti mungkinkah terdapat perbezaan antara jantina dengan pembangunan manusia dari konsep “*soft skills*” komunikasi di kalangan pelajar seksyen IPS2-S1 dan IPS2-S2, menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikansi min skor terhadap perbezaan antara responden lelaki mahupun perempuan dengan komunikasi yang pelajar praktiskan. Pengkaji berpendapat setiap responden sama ada lelaki atau perempuan adalah wajar mengamalkan komunikasi yang efektif tanpa menghadkan kepada jantina semata-mata. Setiap individu tanpa mengira jantina berhak menggunakan ruang dan peluang yang ada dalam mengamalkan komunikasi dalam menemukan kesamaan antara mereka. Pelajar dapat berkongsi aura emosi yang positif akibat berinteraksi sesama mereka semasa perkongsian maklumat yang ingin disalurkan bersama.




Rajah 6: Pecahan mengikut jantina pelajar IPS

Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang pernah disempurnakan oleh Daly dan Stafford (2008), merumuskan bahawa kaum Hawa didapati lebih risau dan takut untuk berkomunikasi berbanding dengan kaum Adam, terutama dalam konteks pengucapan awam. Selari dengan fitrah wanita bersifat lebih pemalu daripada lelaki. Dengan kata lain pelajar perempuan lebih takut untuk membuat pengucapan awam berbanding pelajar lelaki. Walau bagaimanapun, kajian Umi Nadihaa (2011) mendapati jantina tidak mempengaruhi tahap keyakinan komunikasi di kalangan pelajar. Ini seiring dengan peredaran semasa kini yang menunjukkan kaum wanita lebih ramai mendominasi di IPTA dan akhirnya menceburi diri dalam pelbagai kerjaya.

Dapatan objektif kajian kedua

Setelah data dianalisis menggunakan Analisis Ujian Normaliti bagi mengetahui sama ada terdapat perhubungan yang signifikan di antara tahap pencapaian akademik dengan konsep “*soft skills*” komunikasi mengikut perbezaan jantina dapatlah dirumuskan bahawa setiap data yang dianalisis adalah bertabur secara normal. Pengkaji dapat merumuskan bahawa komunikasi amat berperanan penting dalam pencapaian akademik pelajar IPS tanpa mengira jantina responden. Fakta ini diperkukuhkan lagi dengan carta pai di bawah yang menunjukkan kesemua 50 pelajar IPS lulus dengan gred yang baik tanpa ada yang gagal walaupun seorang.



Rajah 7: Gred keputusan peperiksaan akhir pelajar IPS

Nik Hasnaa (2006), kajiannya juga menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan antara tahap keyakinan komunikasi dan pencapaian akademik. Penemuan kajian ini konsisten dengan kajian

lepas (Mc Croskey et al, 2010) yang mendapati pelajar yang mengalami kebimbangan komunikasi memperoleh keputusan akademik yang kurang memuaskan berbanding dengan pelajar yang melaporkan sebaliknya. Malah menegaskan kebimbangan berkomunikasi merupakan penentu kepada pencapaian akademik pelajar. Walau bagaimanapun, kemahiran komunikasi merupakan medium dalam penyampaian maklumat.

Dapatan objektif kajian ketiga

Hasil analisis Ujian-t Independent bagi mengetahui tahap keberkesanan kedua-dua program yang telah dianjurkan ke atas pelajar IPS terhadap pembangunan manusia dari konsep “*soft skills*” komunikasi di kalangan pelajar IPS2-S1 dan IPS2-S2 dapatlah dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan impak komunikasi walaupun pelajar IPS telah dibahagikan kepada dua program yang berbeza iaitu Kem Demong Beach Resort Besut, Terengganu mahupun Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Dan Fakir Miskin Al-Insyirah, Kuantan. Menggariskan kepada objektif kajian, pengkaji menyetujui bahawa pendedahan aktiviti luar turut menyumbang kepada faktor kejayaan setiap pelajar IPS sama ada lelaki mahupun perempuan. Gaya pembelajaran yang santai dan bersahaja melalui pembentangan menjadikan suasana komunikasi berkeadaan bebas mengeluarkan pendapat dan pandangan juga memberi peluang dan ruang dalam mengasah juga menggilap bakat komunikasi yang terpendam.

Hal ini turut perkukuhkan lagi dengan kajian terdahulu. Menurut Nur Azyyati (2011) tumpuan lebih diberikan kepada gaya pembelajaran dan kecerdasan emosi. Kedua aspek ini memberi implikasi yang besar terhadap tahap prestasi akademik pelajar. Namun begitu, kemahiran komunikasi merupakan medium dalam proses penyampaian ilmu pengetahuan yang ingin dikongsi bersama. Ini bermakna ianya juga turut memainkan peranan dalam pembentukan gaya pembelajaran dan kecerdasan emosi (Najib, 2008). Dari itu pengkaji amat bersetuju kemahiran komunikasi perlu dikuasai oleh pelajar bagi membolehkannya bertukar-tukar fikiran melalui perbincangan. Dalam era pendidikan kini, kemahiran komunikasi semestinya dikuasai bukan sekadar bagi tujuan berkomunikasi tetapi memjurus proses pembelajaran kerana corak pengajaran dan pembelajaran kini lebih menekankan pelajar agar mengemukakan pendapat. Semestinya secara tidak langsung turut mempengaruhi pencapaian akademik pelajar (Megat, 2007). Ianya kini bersifat global dan dari masa ke semasa, pendidikan berubah selaras dengan kemajuan fikiran dan kehendak teknologi pengajaran.

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah bertujuan mewujudkan suatu situasi yang dapat dikongsi antara pelajar IPS dalam meningkatkan potensi dan kemahiran komunikasi bagi memastikan mesej dapat disampaikan dengan sempurna dan memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan akhir sesi Jun 2017. Impak modal insan yang ingin dijanakan untuk berfikir secara kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang-peluang baru, mempunyai ketahanan serta kebolehan bagi menghadapi persekitaran dunia global yang sering berubah-ubah (Megat Aman, 2007). Menurut Isha (2014), menyatakan kemahiran komunikasi merupakan kebolehan dalam mewujudkan interaksi atau hubungan melalui medium perantara atau sebaliknya dengan seseorang. Hari ini masyarakat kini sering berhadapan dengan masalah kurangnya interaksi dikalangan mereka. Dengan itu manfaat kemahiran komunikasi di kalangan masyarakat haruslah diimplementasikan untuk memastikan sesebuah masyarakat itu dapat terus maju ke hadapan supaya proses penyampaian sesuatu maklumat itu disampaikan secara telus dan tepat.

KESIMPULAN

Analisis yang dilaksanakan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian di mana ianya mengukur sejauh manakah keberkesanan komunikasi terhadap pelajar IPS dan implikasinya dalam keputusan peperiksaan akhir semester. Kajian ini terbatas kepada pelajar IPS di JMSK sahaja. Ini kerana hanya JMSK sahaja yang diamanahkan oleh politeknik Malaysia untuk mengasah pembelajaran mereka agar pelajar IPS layak untuk menyambung pengajian mereka di peringkat diploma. Pelajar IPS adalah pelajar yang lemah dan tercicir untuk menyambung pengajian di mana-mana IPT Malaysia. Berdasarkan pencapaian akademik sesi Jun 2017 tiada seorang pun mendapat gred A. Kebiasaannya pelajar lemah

amat sukar untuk fokus dalam proses pengajaran dan pembelajaran terutama dalam Bahasa Inggeris. Pelajar yang lemah berbahasa Inggeris sebenarnya tidak nampak akan kepentingan Bahasa Inggeris. Kegagalan berkomunikasi berpunca dari "*mind-set*" dan cara belajar yang salah kesinambungannya. Pelajar tidak berminat belajar Bahasa Inggeris juga menganggap ia sesuatu yang mengerikan dan tidak nampak kepentingan bahasa ilmu tersebut.

Faktor lain juga, pelajar tidak tahu cara yang betul untuk belajar dan menguasai Bahasa Inggeris. Dari itu pelajar IPS didedahkan dengan teknik berkomunikasi dan tugas pembentangan bagi setiap topik yang dipelajari. Pelajar juga mempunyai sifat malu untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris. Sesetengah daripada mereka menganggap apabila bertutur dalam bahasa itu, mereka akan diejek dan dipulaukan. Inilah masalah kritikal yang pelajar hadapi, takut kepada ejekan rakan-rakan sehingga membawa keburukan kepada diri sendiri. Maka di sini sebagai pendorong utama pelajar banyak dipeluang untuk berinteraksi dan memotivasikan diri terhadap kepentingan Bahasa Inggeris. Proses rekrutmen dipraktikkan agar memperolehi impak komunikasi produktif dan mempunyai daya saing yang positif serta mengimplementasi komunikasi secara praktikal di segenap situasi yang dihadapi dalam mewujudkan perkembangan komunikasi yang sihat. Impak maklumbalas yang diterima menerusi hasil edaran soalan kaji selidik, sewajarnya bagi meningkatkan mutu keberkesanan komunikasi yang dikongsi dan gambaran yang jelas diperolehi berkaitan objektif yang dirancang. Hal ini jelas dapat membantu mewujudkan pelajar IPS yang berkebolehan dan berkeyakinan semasa berinteraksi dengan persekitarannya supaya memenuhi keperluan dipertanggungjawabkan dan diamanahkan kepada mereka. Ini kerana perkembangan komunikasi secara lahiriah mempengaruhi gaya hidup dan corak pemikiran seseorang.

Pelaksanaan modul Soft Skills PUB2014 *Human Development* di politeknik menjadi tunjang utama dalam mempertingkatkan kefahaman pelajar terhadap kepentingan "*soft skills*" bagi kedua-dua elemen iaitu membina personaliti individu yang positif dan kemahiran berkomunikasi. Tuntutan majikan hari ini tidak melihat kemahiran akademik semata-mata tetapi lebih menitik beratkan soal "*soft skills*" memenuhi kebolehpasaran graduan. Justeru itu, pelaksanaan modul *Soft Skills* di politeknik amat membantu pelajar untuk membentuk kemahiran "*soft skills*" pada diri pelajar dan secara tidak sedar, turut membantu pelajar memenuhi keperluan tenaga sumber manusia yang diperlukan majikan. Objektif yang diketengahkan dalam kajian ini adalah tercapai. Secara keseluruhan, keputusan analisis menunjukkan tahap keyakinan kemahiran komunikasi pelajar IPS adalah pada tahap yang memuaskan. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa keberkesanan komunikasi tidak dipengaruhi oleh jantina. Ini kerana tidak terdapat perbezaan signifikansi min skor terhadap perbezaan antara responden lelaki mahupun perempuan dengan komunikasi yang pelajar praktikkan.

Selain itu juga, tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara tahap pencapaian akademik dengan konsep "*soft skills*" komunikasi mengikut perbezaan jantina responden. Setiap pelajar sama ada lelaki mahupun perempuan berhak mendapat keputusan yang cemerlang seandainya pemahaman dan pengetahuan tentang konteks kemahiran komunikasi dikuasai. Pengkaji berpendapat setiap responden sama ada lelaki atau perempuan adalah wajar mengamalkan komunikasi yang efektif tanpa menghadkan kepada jantina semata-mata. Bagi tahap keberkesanan aktiviti luar pula amat berjaya dalam memupuk pembangunan kemahiran komunikasi pelajar IPS. Gaya pembelajaran yang santai dan bersahaja juga mencetus idea bernas kerana kemahiran komunikasi merupakan asas perhubungan di antara pelajar IPS-S1 dan IPS2-S2.

DAFTAR PUSTAKA

- Adnan, N. A (2005) Profil Kemahiran Generik Pelajar Aliran Teknikal Di Politeknik, Sarjana (Pendidikan Teknik Dan Vokasional) KUITHO.
<http://www.kuittho.edu.my/ps/thesis/education1/nurul%20afizah%20adnan.pdf> Berita Harian, 12 Februari 2009

- Daly, J. & Stafford, L. (2008). Correlates and Consequences of social communication anxiety. In J. Daly & J.C. McCroskey (Eds). *Avoiding communication shyness, reticence and communication apprehension*. Beverly Hill: Sage Publication.
- Embong, A.R. (2004) Memikir Semula Persoalan Pembangunan Manusia: Antara Teori dengan Realiti Rethinking the Question of Human Development: Between Theory and Reality. *Memikir Semula Persoalan Pembangunan Manusia Akademika*, 64, 15–26. Retrieved from http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/39326/2874.pdf
- Guat, T. Meng (2013). *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, Jilid 11, 2013 1–23. Retrieved from http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/jurnalpapers/jurnal2012/tay_jp2013.pdf
- Ibrahim, M. Z. (2006). Tahap Penguasaan Komunikasi Berkesan Dikalangan Pelajar. Retrieved from http://www.fp.utm.my/epusat sumber/pdf fail/ptkghdfwp2/p_2006_7009_eca72abe257749f6bbc0074e079c701e.pdf
- Idris, R., Ariffin, S. R. & Ishak, N. M. (2009). Pengaruh kemahiran generik dalam kemahiran pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan komunikasi pelajar Universiti Kebangsaan. *Universiti Kebangsaan Malaysia*, 6, 103–140. doi:10.1017/CBO9781107415324.004
- Isha, N. S. dan M. (2014). Tahap Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Ipta Di Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, Vol. 4, 44–56. doi:10.1017/CBO9781107415324.004
- Linacre, J. (2005). Whither anatomy teaching?: a student perspective. *ANZ journal of surgery*, 75(3), 96–97.
- Malaysia Today (2005). Malaysia has 60,000 Graduates Unemployed.
- McCroskey, J.C., Daly J, & Sorenson (2010). Personality correlates of communication apprehension: A research note. *Human Communication Research*. 2 (3): 376-380.
- Mohd Najib Abdul Aziz & Nor Shafrin Ahmad (2008). Kemahiran Belajar dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik: Kajian di Daerah Kerian, Perak. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 23: 29-47.
- Mohd Safarin dan Mohd Zolkifli (2005). “Tahap Keyakinan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti.” Kertas Kerja Seminar Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Zaid, M., Nordiana, M. N., Kahirol, M. S., Ahmad Rizal, M., Badaruddin, I., Norlisa, S. & Abdul Rashid, R. (2008). Pelaksanaan Modul Soft Skills DI Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. *Prosiding SKIKS* 08, 1, 187–201. Retrieved from <http://eprints.uthm.edu.my/2315/1/Pelaksanaan Modul Soft Skills di Politeknik Kementerian.pdf>
- Muridan, N. (2013). Penguasaan Kemahiran Komunikasi Interpersonal Dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional Di Uthm. Retrieved from <http://eprints.uthm.edu.my/4182/1/.pdf>
- Nik Hasnaa Nik Mahmood. (2006). Kebimbangan berkomunikasi di kalangan pelajar UTM: Satu realiti atau mitos? National Student Development Conference (NASDAC), 8-9 August 2006, Kuala Lumpur.
- Nur Azyyati Sauki (2011). Hubungan kecerdasan emosi dengan penguasaan kemahiran pelajar Kolej Komuniti. Seminar Pasca Ijazah dalam Pendidikan 2011. Fakulti Pendidikan Teknik dan dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn.
- Nussbaum, J.F. & Williams, A. (2007). *Intergenerational communication across the life span*. New York: Lawrence Erlbaum Assoc. Inc.
- Riduan, N. (2002). Pengertian Pembangunan Sumber Manusia Di Kalangan Pengamal Pembangunan Sumber Manusia Mac, 1–25. Retrieved from http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/11149/0704.pdf
- Sharifah Noor Anita Bt Syed Jaafar (2002). “Penguasaan Kemahiran Generik Dalam Memenuhi Kehendak Pasaran Kerja : Kajian di Kalangan Pelajar Semester Akhir Diploma Kejuruteraan Di Politeknik Port Dickson.” Kolej Universiti Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.
- Teknikal, U., Tugimin, A. J., Saadan, R. & Husain, K. (2011). Atas Kepuasan Kerja Staf Sokongan Di 4(2). Retrieved from journal.utm.edu.my/index.php/jhcd/article/download/2296/138T6
- Umi Nadiha Mohd Nr, Zamri Mahmod & Jamaludin Badusah (2011). Penerapan kemahiran generik dalam pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (2): 71-84.